

IKLAN JAWATAN KOSONG



PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:

1. BUTIRAN JAWATAN

- | | | |
|-----|-----------------------|----------------------------|
| 1.1 | Skim Perkhidmatan | : Pembantu Khidmat Am |
| 1.2 | Gred Jawatan | : H1 |
| 1.3 | Kementerian/ Jabatan | : Parlimen Malaysia |
| 1.4 | Kumpulan Perkhidmatan | : Pelaksana |
| 1.5 | Taraf Jawatan | : Kontrak |
| 1.6 | Bilangan Kekosongan | : Satu (1) |
| 1.7 | Jadual Gaji | : RM1,500.00 – RM 4,680.00 |

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- warganegara Malaysia;
- berumur tidak kurang dari 18 tahun dan tidak lebih daripada 45 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia / Sijil Kemahiran Malaysia (Tahap 2/3) atau berkelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

3. SYARAT KELAYAKAN

Calon hendaklah mendapat kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan lima (5) subjek yang lain pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/ Sijil Pelajaran Vokasional Malaysia (SPM(V)) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. DESKRIPSI DAN SKOP BIDANG TUGAS

- 4.1 Melaksanakan tugas-tugas dalam membantu melicinkan perjalanan urusan pejabat seharian melibatkan pergerakan fail, penghantaran dan pendaftaran surat/ dokumen/ saman/ notis serta pemanduan kenderaan;
- 4.2 Membantu membuat salinan pendua dan penjilidan dokumen;
- 4.3 Mengangkat, menyusun dan mengemas barang-barang atau peralatan bekalan daripada stor pejabat;
- 4.4 Mengemas dan menyusun atur bilik mesyuarat/ taklimat/ dewan sebelum dan selepas mesyuarat/ taklimat/ dewan serta memastikan peralatan di bilik mesyuarat/ taklimat/ dewan diselenggarakan dengan baik;
- 4.5 Membantu membawa peralatan dan memastikan keselamatan peralatan berkenaan;
- 4.6 Memastikan kebersihan dan kekemasan pejabat sepanjang masa; dan
- 4.7 Mempunyai pengalaman dalam melaksanakan tugas pemanduan serta menyenggara kenderaan pada bila-bila masa apabila diarahkan oleh Ketua Jabatan termasuk memiliki lesen memandu Kelas B2/B/D/E2/E1/E merupakan satu kelebihan.

5. CARA MEMOHON

- 5.1 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan** yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Parlimen Malaysia (www.parlimen.gov.my).
- 5.2 Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan – Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) – [P.U (A) 1/2012].
- 5.3 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport (tidak dikembalikan), *Resume*, salinan Sijil Kelahiran, Salinan *MyKad*, salinan Kelulusan Akademik, dan salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah** oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 9 ke atas).

Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR PARLIMEN MALAYSIA
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR
(U.P: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INOVASI)**

6. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 03 FEBRUARI 2026 (SELASA)

Tarikh Iklan : 27 JANUARI 2026 (SELASA)

Catatan Am :

- (a) Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga.
- (b) Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Segala perbelanjaan berhubung dengan permohonan temu duga jawatan ini tidak akan ditanggung oleh Kerajaan.